

# Kenal pasti awal murid disleksia

MINGGUAN MALAYSIA (MYS) 20

27 MAC 2016

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 MAC

**K**EMENTERIAN Belia dan Sukan menyarankan Kementerian Pendidikan melaksanakan program intervensi di setiap sekolah kebangsaan bagi mengenal pasti murid disleksia sebelum mengesan bakat mereka dalam bidang lain khususnya sukan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, tidak dinafikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) mengandungi perkara mengenai masalah pembelajaran tetapi masih memerlukan penambahbaikan dari segi garis panduan mengendalikan kaedah mengajar murid bermasalah disleksia.

"Mengenal pasti murid yang berpotensi bermula di peringkat sekolah, jadi bagaimana kita mahu mencari bakat-bakat baharu sekiranya pihak sekolah sendiri tidak memahami masalah pembelajaran mereka.

"Golongan ini memerlukan intervensi awal dan jika ianya berlaku, saya rasa tidak ada masalah untuk kita mengetahui keupayaan

mereka dalam bidang sukan mahupun akademik," katanya dalam sidang akhbar Majlis Kesedaran Disleksia Melalui Sukaneka di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Bahagian UMNO Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin; Ketua Pegawai Korporat Tenaga Nasional Berhad (TNE), Datuk Roslan Ab. Rahman, Presiden Persatuan Disleksia Malaysia, Sariah Amirin dan Presiden Kumpulan Sokongan Ibu Bapa Disleksia, Ahmad Fitri Isahak.

Acara yang berlangsung di Padang Kelab Kilat, TNB, Bangsar itu menghimpunkan 13 pusat disleksia di bawah pentadbiran Persatuan Disleksia Malaysia.

Disleksia adalah masalah kesukaran membaca yang ada pada kanak-kanak atau dewasa walaupun mempunyai tahap IQ yang baik dan antara individu terkenal yang menghidap disleksia ialah Thomas Edison dan Tom Cruise.

Tambah Khairy, beliau mencadangkan Kementerian Pendidikan mewujudkan 'satu kelas, satu sekolah' yang secara khusus mengendalikan para pelajar disleksia dan menjadi platform untuk orang ramai memahami penyakit ber-

kenaan.

"Saya galakkan supaya peratuan ibu dan bapa yang mempunyai anak disleksia bergabung seperti hari ini untuk meningkatkan kesedaran serta pastikan siara mereka dapat memberi kesetiaan terhadap perubahan polisi sistem pendidikan," katanya.

Dalam perkembangan lain Khairy turut meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi mengenai isu penyalahgunaan dana RM100 juta oleh pegawai kementerian serta memberi rangkapan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pasukan petugas bebas yang dilantik menjalankan siasatan.

Menurut sumber SPRM, sehingga kini, sebanyak 11 orang telah ditahan bagi membantu siasatan dengan enam individu masih direman manakala empat yang lain dibebaskan dengan jaminan mahkamah dan seorang lagi juga dibebaskan menerusi jaminan SPRM.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, SPRM menahkakan sembilan orang termasuk seorang setiasua bahagian yang dikatakan menerima suap dianggarkan mencecah RM20 juta.



KHAIRY JAMALUDDIN (kiri) bersama kanak-kanak disleksia semasa hadir merasmikan Sutaneka Kesedaran Disleksia di Padang Kelab Kilat, TNB Bangsar di Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/HAFIZ JOHARI